

Rakyat berhak dapat rawatan

17 AUG 2021

SUBANG, Jumaat — Kerajaan sentiasa menggalakkan kemudahan rawatan utama terus berkembang di negara ini dengan mempertingkatkan pengkhususan dalam perubatan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ini kerana doktor akan memberi penjagaan kepada semua golongan secara menyeluruh termasuk golongan bayi, kanak-kanak, remaja, ibu, lanjut usia, gangguan mental dan cacat.

Menurutnya, kemudahan rawatan utama menitikberatkan aspek perubatan secara bersepadu, iaitu penjagaan individu dan keluarga, peningkatan kesihatan dan pencegahan penyakit.

"Dalam hal ini, saya berasa bangga di atas usaha untuk memperbaiki perkhidmatan rawatan utama dengan mengadakan kursus Sarjana Perubatan (Perubatan Keluarga). Ini supaya doktor terbabit sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan masing-masing," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian di majlis perasmian mesyuarat agung tahunan Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia serentak dengan persidangan Amalan Perubatan Keluarga dan pelancaran Rangkaian Pembekal Kesihatan,

di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai; Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Tan Sri Haji Sakaran Dandai dan Timbalannya, Datuk Haji Khalid Yunus.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berharap doktor perubatan kelulusan ijazah sarjana perubatan atau perubatan keluarga akan mempertingkatkan lajur mutu perawatan utama di kawasan bandar dan luar bandar serta klinik swasta.

"Saya percaya kursus seperti ini akan mewujudkan doktor perubatan yang lebih cekap di bidang penjagaan pesakit dan menggabungkan peningkatan kemahiran klinikal dengan pengurusan," katanya.

Menurutnya, melalui kaedah itu, ia akan membolehkan pengurusan sumber secara berkesan supaya menjimatkan kos perawatan di samping menjamin mutu perkhidmatan pesakit.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini sama ada di sektor awam atau swasta akan terus dirancang selaras dengan dasar sosioekonomi negara.

Bagaimanapun, katanya, perancangan ke arah itu perlu fleksibel supaya disesuaikan

dengan keadaan dan masalah yang berubah.

"Untuk menghasilkan perancangan dan program yang baik, kita perlu bersikap inovatif dan sentiasa mencari cara baru dalam memajukan perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

"Dengan adanya kemajuan di bidang sains dan teknologi perubatan, kita akan memperoleh pelbagai jenis alat dan ubat-ubatan baru yang lebih mustajab," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dengan meningkatnya kos perubatan orang ramai perlu bijak memilih perawatan yang berkesan dan menjimatkan.

"Doktor tidak harus menganggap ubat paling mahal adalah yang terbaik," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, menjelang tahun 2020, Malaysia dijangka mencapai taraf negara maju dan banyak masalah akan menimpa jika tiada tindakan awal bagi mencegahnya.

"Oleh itu, kita harus kekalkan sistem kekeluargaan, penganan terhadap nilai yang menolak penyalahgunaan dadah, kehancuran institusi perkahwinan, tabiat minum arak dan merokok. Doktor keluarga mempunyai fungsi besar dalam perkara ini," katanya.